

PM tak hirau polemik politik

Um - 10/8/2006

Amanah ini amat bermakna kepada saya kerana rakyat mahu kerajaan melaksanakan pembangunan yang dapat membela nasib mereka

ABDULLAH AHMAD BADAWI
Perdana Menteri

Oleh MUSTAFA KAMAL BASRI

KUALA LUMPUR 9 Ogos - Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi berkata, beliau tidak akan mengambil peduli kesemua polemik politik yang melibatkan beliau sebaliknya akan memberi tumpuan kepada amanah besar yang diberikan oleh rakyat selepas pilihan raya umum 2004.

Perdana Menteri berkata, beliau akan bekerja keras untuk menunaikan semua janji-janji yang terkandung dalam manifesto pilihan raya umum lepas.

"Amanah ini amat bermakna kepada saya kerana rakyat mahu kerajaan melaksanakan pembangunan yang dapat membela nasib mereka," katanya semasa berucap pada Jamuan Malam Bersama Kelab Senator Malaysia di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) di sini, malam ini.

Pada Isnin lepas Perdana Menteri telah menjelaskan panjang lebar isu-isu politik yang melibatkan beliau dalam Program Bersemuka Dengan Perdana Menteri anjuran TV3.

Katanya, selepas rancangan itu disiarkan, banyak pihak melontarkan pertanyaan apakah yang akan beliau lakukan selepas itu.

Beliau berkata, melalui program itu, sudah cukup bagi beliau menjelaskan segala persoalan yang ditimbulkan berhubung diri dan pentadbirannya.

"Selepas ini... selepas ini... selepas ini, adalah bekerja untuk memenuhi amanah besar pilihan raya yang diberikan oleh rakyat kepada saya dulu.

Abdullah berkata, beliau masih ingat selepas menubuhkan kerajaan setelah memenangi pilihan raya umum, beliau telah memulakan pentadbiran sesuai dengan slogan yang diberikan oleh rakyat *Paklah walk the talk* agar beliau dapat melaksanakan janji-janji pilihan raya.

Abdullah berkata, beliau menyedari kemenangan besar BN itu jika janji-janjinya tidak dapat dilaksanakan, rakyat akan merasa kecewa dan marah.

Katanya, kerajaan telah mengambil segala usaha untuk memenuhi janji-janji itu.

Sehubungan itu, beliau menggesa rakyat dan semua pihak supaya tidak terpesong dengan polemik politik yang melibatkan beliau, sebaliknya memberi tumpuan untuk menjayakan Wawasan 2020.

"Bila saya ditanya mengapa saya tidak mempunyai wawasan sendiri, saya jelaskan bahawa, saya tidak mem-



ABDULLAH Ahmad Badawi disambut oleh ahli-ahli Kelab Senator Malaysia pada majlis Perdana Menteri bersama kelab berkenaan di PWTC, Kuala Lumpur, malam tadi.

- Bernama

lukan wawasan lain," katanya.

Katanya, rakyat, sebaliknya, perlu bersama-sama dengan beliau menjayakan misi nasional dan Wawasan 2020 untuk menjadi bangsa yang maju dan dihormati.

Kata beliau, rakyat perlu menggunakan masa yang ada untuk melaksanakan segala yang dirancang untuk menjayakan Wawasan 2020.

Beliau berkata, rakyat perlu berusaha menambah nilai kepada kerja dan usaha mereka bagi memastikan mereka dapat menjadi insan yang berguna.

Berbalik kepada tanggungjawab beliau menjayakan hasrat rakyat, Abdullah berkata beliau mempunyai tanggungjawab utama kepada rakyat selain tanggungjawab kepada Tuhan.

"Saya akan beri segala perhatian untuk menjayakan agenda membela rakyat," katanya.

Menurutnya, kejayaan UMNO akan bergantung kepada sama ada usaha kerajaan BN tercapai atau tidak.

Beliau menggesa rakyat belajar daripada sejarah dan pengalaman untuk memperbaiki segala kelemahan dan membuat perubahan.